

# Matlamat asal EAEC patut kekal

BH 24 JAN 1992

Oleh Mohd Fuad Razali

KUALALUMPUR. Khamsis — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata sebarang elemen baru yang hendak dimasukkan ke dalam kertas kerja Perundingan Ekonomi Asia Timur (EAEC) haruslah tidak menyimpang daripada tujuan asal cadangan penubuhannya.

"Kita boleh buat supaya ia lebih mudah diterima tetapi bukan sehingga tidak menjadi EAEC lagi," katanya kepada pemberita selepas mengucapkan selamat jalan kepada Perdana Menteri Vietnam, Encik Vo Van Kiet, di Carcosa Seri Negara di sini, hari ini.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas laporan akhbar bahawa Indonesia mahu supaya beberapa cadangan baru dimasukkan dalam kertas kerja cadangan penubuhan EAEC untuk memudahkannya diterima.

Menteri Luar Indonesia, Encik Ali Alatas, semalam mengesahkan Indonesia akan mengemukakan beberapa cadangan baru mengenai EAEC di Sidang Puncak Asean Keempat yang kini sedang berlangsung di Singapura.

Katanya, sama ada cadangan itu akan diterima atau tidak, ia adalah soal lain.

Kertas kerja penubuhan EAEC itu bertujuan membentuk satu kumpulan perundingan antara negara Asean bagi mewakili rantau ini dalam perbincangan mengenai sistem dagangan dunia bebas.

Sebelum ini, perbincangan mengenai penubuhan EAEC dilaporkan tidak berjalan lancar kerana Indonesia dikatakan mahu menambah bebera-

pa cadangan baru mengenai konsepnya yang bagi kebanyakan pemerhati adalah bertentangan dengan persetujuan yang dicapai dalam Mesyuarat Menteri Ekonomi Asean (AEM) di Kuala Lumpur tahun lalu.

Datuk Seri Dr Mahathir enggan mengulas ketika ditanya sama ada beliau

yakin kertas kerja itu akan dikemukakan sama seperti persetujuan yang dicapai dalam AEM.

Beliau juga enggan mengulas lanjut sama ada cadangan baru yang hendak dikemukakan oleh Indonesia itu bertentangan dengan persetujuan yang dicapai di Kuala Lumpur tahun lalu.